

TARIKH	28 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	22	RUANGAN	Setempat

## 2 meninggal komplikasi jantung

**P**ETALING JAYA: Seramai 10,000 jemaah haji berada di Tanah Suci menerusi penerbangan dari Malaysia sejak 17 September lalu dan mereka kini beransur-ansur memasuki kota Makkah bagi menyempurnakan ibadat berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir, berkata mereka berada dalam keadaan sihat walaupun ada jemaah mengalami masalah kesihatan.

"Setakat ini semua berjalan lancar dan tiada masalah dilaporkan.

"Namun, daripada keseluruhan jemaah ini, lima dimasukkan ke hospital atas faktor kesihatan dan dua jemaah lelaki disahkan meninggal dunia kerana komplikasi jantung," katanya pada sidang media, di Kompleks Tabung Haji, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji, Datuk Ismee Ismail.

Beliau berkata, walaupun sindrom pernafasan akut yang teruk (Sars) dilaporkan menular di Tanah Suci, tetapi keadaan masih belum mencemaskan.